



## Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 5, Issue 2, February 2020

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:  
[www.msocalsciences.com](http://www.msocalsciences.com)

### **Pembangunan dan Permodenan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Pasca Perang Dingin**

**Ahmad Shah Pakeer Mohamed<sup>1</sup>, Nazariah Osman<sup>1</sup>, Mohamad Faisol Keling<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>College of Law, Government and International Studies, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Correspondence: Ahmad Shah Pakeer Mohamed ([ahmad7243@uitm.edu.my](mailto:ahmad7243@uitm.edu.my))

#### **Abstrak**

Kerajaan Malaysia telah memberikan penumpuan terhadap aspek keselamatan dan pembangunan pertahanan sejak dari kemerdekaan negara lagi. Pada ketika ini, ancaman yang dihadapi oleh negara adalah melibatkan dua bentuk ancaman iaitu ancaman dari dalam negara dan ancaman dari luar negara. Kebanyakan negara khususnya di rantau Asia Tenggara telah mencapai kemerdekaan di antara tahun 1950-an dan 1960-an. Sebagai sebuah negara yang juga boleh dikategorikan juga baru mencapai kemerdekaan, negara-negara di rantau Asia Tenggara ini tidak lari dari menghadapi pelbagai ancaman yakni ancaman dari sudut dalaman negara seperti ancaman pemberontakan komunis semasa insurgensi, konflik etnik, ketidakstabilan politik, rusuhan kaum, masalah perpaduan dan sebagainya telah menjadi faktor yang juga telah mempengaruhi perbentukan Dasar Pertahanan Negara (DPN). Manakala ancaman dari sudut luar seperti persempadan, persaingan kuasa besar antara Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet semasa perang dingin yang juga menyebabkan berlakunya ketidakstabilan politik, konflik dan peperangan di rantau Asia Tenggara, persaingan ideologi, ketegangan hubungan dan konflik hubungan antara negara, ancaman terrorisme dan pemberontakan serta sebagainya telah mempengaruhi dan memaksa negara Malaysia untuk membangun serta memodenkan sistem pertahanan negara.

**Kata kunci:** permodenan, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), keselamatan, Pasca Perang Dingin

### **Development and Modernization of Malaysian Armed Forces (MAF) in the Post-Cold War**

#### **Abstract**

The Malaysian government has been focusing on security and defense development since the independence. At the present, many threats has been face by the states include threats in internal and external affairs. Most countries in the Southeast Asian region achieved independence between the 1950s and 1960s and Malaysia is one of them. As considered as a newly independent country, is this Southeast Asia region Malaysia also has to faces many threats that can interfeare and reflect the national sovereignty. Internal threats such as the threats of communist influence uprisings, ethnic conflicts, political instability, racial unrest, unity dillema and so on have all contributed to the development of National Defense Policy (NDP). While external threats such as rivalry between the United States and the Soviet Union during the cold war which led to political instability, conflict and war in the Southeast Asia region, ideological rivalry, tensions and conflicts between countries of relations, threats of

terrorism and insurgency and so on has influence the force the state to develop and modernize the national defense agenda.

**Keywords:** modernization, Malaysian Armed Forces (MAF), security, Post-Cold War

---

## Pengenalan

Melihat dari pembangunan pertahanan negara sejak dari 1957 hingga kini 2017, dasar dan Angkatan Tentera Malaysia telah mencerminkan hasrat negara untuk mempertahankan dan memelihara keselamatan serta kedaulatan negara. Sejajar dengan ini, Malaysia telah membangunkan Dasar Pertahanan Negara (DPN) dan memodenkan angkatan pertahanan negara bermula pasca Perang Dingin dari tahun 1990. DPN merupakan asas kepada pembangunan pertahanan serta pembangunan keselamatan negara. DPN menggariskan tiga asas utama iaitu (i) kepentingan-kepentingan strategik negara, (ii) prinsip-prinsip pertahanan dan (iii) konsep pertahanan. Kepentingan strategik negara dapat dilihat dari tiga lapisan iaitu kawasan terdekat (*internal*) serantau (*regional*) dan global. Kawasan ini melibatkan kawasan wilayah daratan (*land teritorial*), perairan negara (*sea teritorial*), ruang angkasa (*air space*), Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE), Selat Melaka dan laluan pintu keluar masuk serta Selat Singapura selain daripada wilayah Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak.<sup>1</sup> Prinsip pertahanan negara adalah melibatkan keupayaan negara untuk berdikari dari segi pertahanan. Prinsip ini memberi penekanan kepada keupayaan berdikari angkatan tentera di dalam struktur keupayaan berdikari nasional dengan memfokuskan kepada program pembangunan negara.<sup>2</sup>

Jika dilihat dari sejarahnya pula, pembangunan ATM sudah lama digerakkan sejak Perdana Menteri yang kedua negara iaitu Tun Abdul Razak bin Dato' Haji Hussein (TAR) yang juga merupakan Menteri Pertahanan Malaysia yang pertama. Pada tahun 1969 TAR telah mengumumkan bahawa negara akan melaksanakan konsep baru pertahanan yang dikenali sebagai 'Pertahanan Berdikari' atau 'Self-Reliance'. Polisi ini menekankan kepada dua peringkat iaitu peringkat pertama adalah isu keselamatan dalaman negara hanya diberi tugas dan tanggungjawab kepada anggota keselamatan negara serta peringkat yang kedua adalah anggota keselamatan negara mampu berdikari di dalam menjaga kedaulatan negara dan menjaga kepentingan negara dari ancaman dari anasir-anasir luar.<sup>3</sup> Langkah ini merupakan satu usaha yang sangat baik untuk membebaskan negara dari pengaruh kuasa besar dunia pada ketika itu iaitu British serta memastikan negara mempunyai sistem keupayaan ketenteraan yang berkualiti yang mampu setanding dengan negara-negara jiran serta dapat menjaga kedaulatan serta keselamatan negara.

Bermula awal tahun 1970 TAR memperkenalkan Program Keselamatan dan Pembangunan dan lebih dikenali sebagai KESBAN. Pembangunan program KESBAN ini digunakan sebagai salah satu strategi yang menyeluruh untuk menghadapi ancaman PKM di negara ini. Pembangunan KESBAN ini merupakan kerjasama antara masyarakat dan tentera bagi bekerjasama dalam mengekang ancaman PKM dan ianya terbukti berhasil dengan PKM menyerah kalah pada 1989. Pembangunan ATM terus berkembang dengan negara memperkenalkan Pembangunan Keupayaan ATM ini (PERISTA) bermula dengan tahap pertama dari tahun 1979-1983 semasa pentadbiran Tun Hussein Onn (THO). Namun program ini tidak diteruskan dan terhenti sehingga tamatnya perang dingin. Pasca perang dingin juga memperlihatkan pembangunan ATM yang naik dan turun. Keadaan ini menyebabkan para sarjana bertanyakan adakah negara benar-benar serius dalam membangunkan serta memodenkan ATM dengan drastik kerana negara mempunyai asas serta platform yang luas untuk membangun dan memodenisasi ATM. Negara juga mempunyai pusat penyelidikan seperti Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi

---

<sup>1</sup> Kementerian Pertahanan Malaysia. Dasar Pertahanan Malaysia. Sumber diekses dari [http://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/Dasar\\_Pertahanan\\_Negara.pdf](http://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/Dasar_Pertahanan_Negara.pdf)

<sup>2</sup> Dasar Pertahanan (2010). Utusan Malaysia. Sumber diekses dari [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=1215&sec=Polis\\_%26\\_Tentera&pg=te\\_02.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=1215&sec=Polis_%26_Tentera&pg=te_02.htm)

<sup>3</sup> Chandran Jeshurun. (1980). *Malaysian Defence Policy: A Study in Paliamentary Attitudes*, University of Malaya: 127

Pertahanan (STRIDE) yang mana mampu digunakan sebagai tempat R&D untuk membangunkan industri pertahanan negara.

Tren modenisasi pertahanan negara bermula selepas pasca Perang Dingin iaitu bermula pada pada 1990 selepas negara memperkenalkan konsep HANRUH pada tahun 1986 yang merupakan asas kepada DPN.<sup>4</sup> Pasca Perang Dingin merupakan tahun yang sangat signifikan kepada perkembangan dan pembangunan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) kerana pada masa ini negara telah bebas dari ancaman subversif dari kumpulan gerila Parti Komunis Malaya (PKM) telah melaksanakan gencatan senjata pada 1989 selepas Rundingan Damai Hatyai yang telah menamatkan kemelut gerakan komunis PKM di negara ini. Keadaan ini sedikit sebanyak telah membuka jalan untuk negara mula melaksanakan pembangunan serta memodenkan keupayaan ATM selaras dengan keadaan keselamatan yang sentiasa kian mencabar.

Oleh yang demikian kajian ini akan melihat dasar serta peranan negara untuk menjaga keselamatan negara yang sentiasa mencabar. kajian ini juga akan memfokuskan kepada pembangunan dasar dan permodenan pertahanan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sebelum dan selepas Perang Dingin dengan memfokuskan kepada enam aspek utama dalam DPN iaitu dasar pertahanan, strategi pertahanan, logistik pertahanan, bajet pertahanan, industri ketenteraan negara serta aspek pendekatan luar yang dibangunkan secara drastik.

### **Perkembangan Permodenan Dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) (1957-1990)**

Semenjak negara mencapai kemerdekaan, Malaysia telah membangunkan dasar dan angkatan tentera dalam melindungi keselamatan negara dan mempertahankan kedaulatannya. Pembangunan pertahanan semenjak tahun 1957 serta permodenan angkatan tentera negara bermula semenjak tahun 1990 telah membolehkan Malaysia sehingga hari ini berjaya mengekalkan kedaulatannya. Umumnya semenjak tahun 1957 hingga 2018, Dasar Pertahanan Negara (DPN) telah melalui satu tempoh fasa yang panjang dengan pelbagai dimensi bentuk ancaman<sup>5</sup>. Ancaman keselamatan juga turut berkembang yang bukan hanya tertakluk kepada ancaman keselamatan tradisional (*traditional threats*) seperti persempadanan, konflik, krisis dan peperangan (*use of force*) sebaliknya selepas tahun 1990 ancaman keselamatan semakin berevolusi dan berkembang yang turut melibatkan ancaman bukan tradisional (*non-traditional threats*) seperti ancaman pengganas (*terrorisme*), dadah, ekonomi, penyakit, pertikaian sempadan dan sebagainya yang mampu meruntuh dan mengugut sesebuah negara.<sup>6</sup>

Pembangunan pertahanan negara telah bermula khususnya ketika Tanah Melayu di bawah pemerintahan British lagi. Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan ia telah membuka ruang yang luas kepada pembangunan dasar pertahanan dan serta perkembangan ATM dengan lebih pesat. Antara 1957 sehingga kini pelbagai pembangunan dasar dan permodenan ketenteraan yang telah diwujudkan serta dibangunkan bagi memastikan negara sentiasa selamat serta kedaulatan negara dapat dilindungi. Perkembangan semasa seperti isu-isu politik dalaman dan luar negara serta persepsi ancaman dan juga ancaman dari serantau telah menjadi faktor yang sangat signifikan yang mempengaruhi pembangunan ketenteraan di Malaysia. Dalam Dasar Pertahanan Negara (DPN), kerajaan telah meletakkan beberapa prinsip pertahanan iaitu prinsip pertahanan berdikari, kerjasama serantau dan bantuan luar. Pengamalan prinsip pertahanan berdikari atau '*self reliance*' adalah

<sup>4</sup> Mohamad Faisol Keling, Ahmad Shah Pakeer Mohamed & Md Shukri Suhib (2016). "Dasar Pertahanan Negara Malaysia: Adakah ianya Kukuh?" in *MIMBAR PENDIDIKAN: Jurnal Indonesia untuk Kajian Pendidikan*, Vol.1(1) Maret, pp.101-122. Bandung, Indonesia: UPI Press.

<sup>5</sup> K.S. Nathan. (2008). *Malaysia And International Security: Role, Commitments, Issues And Challenges*. Pembentangan Kertas Kerja. *Engaging Malaysian Modernity 50 Years and Beyond*. The 6<sup>th</sup> International Malaysian Studies Conference. Kuching: Crowne Plaza Riverside Hotel. 5-7 Ogos. hlm 9. Lihat juga Bradley R. Simpson. (2013). *Southeast Asia in the Cold War*. Dalam Robert J. McMahon (Edt). *The Cold War In The Third World*. Oxford: Oxford University Press. hlm 52-58

<sup>6</sup> Muslim, N. & Alias, J. (2004). Patriotisme: Konsep dan pelaksanaannya di Malaysia. dalam: Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004), 4-6 September 2004, Hotel City Bayview Langkawi.

merupakan matlamat kerajaan bagi memastikan negara tidak bergantung kepada negara luar dan mampu menghadapi ancaman musuh sendiri.

Menurut K.S. Balakrishnan (2009) ATM adalah merupakan tulang belakang kepada keselamatan dan kedaulatan Negara. ATM mempunyai sejarahnya yang tersendiri dan ditubuhkan semenjak dari tahun 1930an lagi. British telah menubuhkan skuad dipanggil Experimental Company pada tahun 1933, dimana pada masa itu penubuhan satu skuad Melayu yang terdiri daripada 25 orang askar. Ini merupakan langkah pertama yang kemudiannya skuad ini membantu untuk penubuhan Regimen Angkatan Tentera Malaya yang pertama pada 1938, dan kemudian batalion kedua ditubuhkan pada disember 1941. Selepas British kembali menjajah Tanah Melayu selepas berakhirnya Perang Dunia ke-2 dan pada masa yang sama keadaan keselamatan di rantau Asia Tenggara masih lagi tidak menentu dengan kemenangan Vietnam dan pengaruh ancaman pemberontakan komunis (PKM) telah juga memberi kesan dan mempengaruhi pembentukan dan perkembangan Angkatan tentera di negara ini.<sup>7</sup>

Pada tahun 1961 Rejimen Askar Melayu telah diperbesarkan menjadi 11 batalion dan skop tugas tentera darat diperluaskan dengan penubuhan Pasukan Bantuan Logistik seperti Kor Perkhidmatan, Kor Kelengkapan dan Kor Jurutera Leterik dan Jentera bagi menampung keperluan Tentera Darat yang sentiasa bertambah. Pertambahan Pasukan logistik ini juga bertujuan untuk memberi bantuan tambahan kepada pasukan Tentera Darat bagi menghapuskan saki baki pengganas PKM.<sup>8</sup>

Tentera Laut Diraja Malaya dan selepas itu dikenali sebagai Tentera Laut Diraja Malaysia (TUDM) telah berpindah dari Singapura pada tanggal 12 Julai 1958. Pergantungan pertahanan kepada negara lain bukanlah suatu perkara yang wajar dikekalkan. Pihak British pada ketika itu telah banyak membantu mewujudkan, membangun dan mengembangkan Angkatan Tentera laut negara sehinggalah pada tanggal 25 Mei 1960 sebanyak 11 buah kapal telah diterima oleh Malaysia menerusi Skim Bantuan dari negara British.<sup>9</sup> Angkatan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) mula ditubuhkan apabila Ordinan Tentera Udara diluluskan oleh parlimen pada 2 Jun 1958 dan semasa penubuhan angkatan tentera ini TUDM dikenali sebagai Tentera Udara Diraja Persekutuan. TUDM juga merupakan hasil dari inisiatif daripada Tun Abdul Razak dalam menguatkan sistem pertahanan ATM dengan melihat keselamatan udara juga adalah amat penting untuk sesebuah negara.<sup>10</sup> Pada tahun 1963 perkembangan tentera udara dilihat begitu stabil dengan 11 skuadron dan Pusat latihan telah dibentuk sehingga tahun 1970 dan kini TUDM memiliki kekuatan sistem pertahanan yang setanding dengan Negara-negara moden di rantau Asia Tenggara ini.

Pembangunan dasar juga merupakan suatu yang penting dalam mencorakkan sistem pertahanan sesebuah negara. Menurut General Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Zulkifli (2015) Ancaman komunis telah menyaksikan kerajaan terpaksa melaksanakan undang-undang darurat (1948-1960) dan kebangkitan semula pemberontakan komunis (1968-1989) setelah British mengundurkan diri daripada timur Suez pada tahun 1967 telah menjadi faktor utama yang mempengaruhi pelaksanaan strategi KESBAN<sup>11</sup>. Pengunduran British ini telah mempengaruhi ATM untuk mengambil tanggungjawab keselamatan secara penuh ke atas keselamatan negara dan memerlukan sokongan daripada masyarakat. Menurut Aishah Ismail (2006) dalam *TD Menentang Insurgensi Komunis* pemberontakan PKM yang sangat agresif telah memberikan kesan yang besar kepada kerajaan untuk merangka dan merencanakan dasar yang dapat membanteras PKM iaitu dengan memperkenalkan Dasar Pembangunan dan

<sup>7</sup> Abdul Razak Baginda (2009). *Malaysia's defence & security since 1957*. Malaysian Strategic Research Centre. Kuala Lumpur: 124-127

<sup>8</sup> Tentera Darat Diraja Malaysia. (TTDM). Darurat. Sumber diekses dari laman sesawang TDDM di <https://army.mod.gov.my/index.php/ms/104/105/193>

<sup>9</sup> Tentera Laut Diraja Malaysia. (TLDM). *Kemerdekaan Dan Pemilikan Tentera Laut Diraja Malaya*. Sumber diekses dari laman sesawang TLDM di <http://www.navy.mil.my/index.php/visi-dan-misi/item/3350-kemerdekaan-dan-pemilikan-tentera-laut-diraja-malaya>

<sup>10</sup> Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Sejarah TUDM. Sumber diekses dari laman sesawang TLDM di <http://www.airforce.mil.my/mengenaikami/sejarah-tudm>

<sup>11</sup> General Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Zulkifli bin Hj Zainal Abidin. [Panglima Angkatan Tentera Malaysia (2015). *Inculcating Professionalism in Defence for National Development: With Special Reference to KESBAN Concept*. National Defence University, Malaysia. hlm. 1-3

Keselamatan (KESBAN)<sup>12</sup> yang mana usaha membanteras PKM ini akan menyatukan agensi-agensi keselamatan negara secara bersama<sup>13</sup>.

Hasil daripada kesinambungan KESBAN, Pertahanan Menyeluruh atau *total defence* telah diperkenalkan semenjak Mei 1986. Menurut Nasibah Harun (2002)<sup>14</sup>, KESBAN adalah strategi yang lahir pada tahun 1950-an dan 1970-an yang telah mempengaruhi kewujudan strategi HANRUH. Antara peranan HANRUH ini adalah untuk mengaktifkan pasukan keselamatan dan pertahanan awam simpanan (kerahan dan sukarela) dalam setiap organisasi yang berkaitan. Konsep *total defence* adalah doktrin yang telah diamalkan semenjak 1901 lagi sebagai doktrin pertahanan negara moden yang telah mula diaplikasikan di Sweden yang mewartakan *Total Defence Act*.<sup>15</sup> Menurut Hamzah H.A (2006)<sup>16</sup> ATM telah mula mengambil langkah untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai pentingnya masyarakat bukan tentera (*civilian*) untuk turut serta membantu ATM dalam melindungi serta mempertahankan keselamatan negara. Melalui HANRUH ia akan membolehkan penglibatan masyarakat bukan tentera untuk bersama-sama melibatkan diri menghalang dan mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara daripada ancaman musuh. Menurut Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein (2015) beliau berterima kasih kepada strategi KESBAN dan HANRUH serta pengorbanan para tentera dan rakyat yang telah berkhidmat, Malaysia mampu mengatasi insurgensi pertama dan kedua melalui dasar ini. Malah, ATM bukan sahaja menjadi tunggak utama dalam dasar pertahanan negara tetapi juga terus memainkan peranan yang penting dalam pembangunan negara dan juga keselamatan.

Menurut Andrew Tan (2004), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah mempunyai pengalaman yang luas dalam peperangan menangani pemberontakan setelah berjuang dan menamatkan pemberontakan komunis di Tanah Melayu dan negeri-negeri di Malaysia Timur selama hampir 40 tahun. Di samping itu, ATM terpaksa berhadapan dengan komando Indonesia dan penyusupan sabotaj semasa konfrontasi yang berlaku dari tahun 1963 hingga 1965. Walau bagaimanapun, isu-isu yang berlaku seperti pertikaian ke atas Sabah oleh Filipina, pengeluaran British pada tahun 1971, kemenangan komunis di Indochina pada tahun 1975, pengeluaran Amerika Syarikat daripada Asia Tenggara dari tahun 1970-an di bawah *Doktrin Nixon* dan pengiktirafan yang semakin meningkat oleh negara luar serta kelemahan Malaysia dalam mengawal selia wilayah dan perairan yang berpunca daripada pantai yang sangat panjang dan sumber alam seperti minyak dan gas di luar pesisir pantai, telah menyumbang kepada pembangunan asas orientasi semula ATM yang baru. Bermula dengan program PERISTA pemodenan ATM cuba dilaksanakan pada tahun 1979, Malaysia telah membuat langkah pertama dalam usaha untuk membina keupayaan konvensional Malaysia.<sup>17</sup> Menurut Muthiah Alagappa (1990) ATM telah melaksanakan program Perkembangan Istimewa Angkatan Tentera atau lebih dikenali sebagai PERISTA. Pada masa itu, kerajaan telah memperuntukkan USD9.8 bilion untuk melaksanakan program PERISTA ini.<sup>18</sup> Beliau menyatakan juga program PERISTA ini adalah bertujuan untuk mengembangkan industri pertahanan Negara dengan membuat pertukaran teknologi dengan membeli aset-aset dari negara luar untuk tujuan memodenisasi ATM dalam mengekang ancaman musuh.

Menurut Faisal Keling dll (2011) beliau menyatakan kuasa tentera adalah merupakan satu aspek yang memainkan peranan penting dalam menentukan keselamatan, kestabilan, keamanan dan kecemerlangan sesebuah negara. Secara amnya, keperluan ketenteraan sesebuah negara adalah amat berkaitan dengan dua pendekatan utama iaitu merujuk kepada aspek ancaman keselamatan dan membantu dalam

<sup>12</sup> ibid

<sup>13</sup> Aishah Ismail. TD menentang irsugensi komunis, BTDM. Nil 144 Jan. hlm 19

<sup>14</sup> Nasibah Harun. (2002). Dasar Pertahanan Menyeluruh, Sempena Hari Angkatan Tentera Malaysia. *Perajurit*. Julai: hlm 17

<sup>15</sup> Keterangan mengenai sejarah dan pengaplikasian konsep total defence di Malaysia dapat dirujuk dalam Mohd Zackry Mokhtar (2006). *Total Defence: Usaha kolektif memperkasa pertahanan negara*. *Perajurit*. Jun. hlm 38-43

<sup>16</sup> Hamzah H.A. (2006). Pembangunan Pertahanan Malaysia–Satu Pendekatan Menyeluruh. *Perajurit*. Disember.

<sup>17</sup> Andrew Tan (2004). *Globalisation and the new terror: the Asia Pacific dimension*. Jones, D. M. (ed.). Cheltenham, UK : [Edward Elgar](#): m/s 8-11

<sup>18</sup> Muthiah Alagapa (1990). *Malaysia: From The Commonwealth Umbrella to Self Reliance*. Dalam K.W Chin (ed). *Defence Spending in Southeast Asia*. Singapore: ISEAS: 181-193.

pelaksanaan dasar luar sesebuah negara. Ini kerana dari perspektif politik yang sebenar, hubungan antara negara-negara dalam sistem antarabangsa adalah anarki asas di mana ia memvisualkan satu keadaan sistem untuk *erratically* bawah tiada yang mengawal sama ada badan atau organisasi terutamanya ke arah negara yang lebih agresif. Keadaan ini telah menyebabkan mana-mana negara tertentu memerlukan kuasa ketenteraan untuk memastikan negara yang boleh menjamin keselamatannya, untuk meneruskan standard yang hidup dan membantu negara untuk mengukuhkan lagi hubungan atau dasar yang diambil dalam hal hubungan antarabangsa. Tentera negara yang juga berfungsi sebagai untuk mewujudkan satu sistem pertahanan, sebagai pencegahan, *Compellence* dan sebagai tanda kekuatan hadapan negara.<sup>19</sup>

Dalam pada itu usaha untuk membangunkan '*research & development*' (R&D) dalam sektor ketenteraan telah juga dimulakan pada tahun 60an. Menurut Ehsan Iskandar (2008) pada tahun 1968, '*Defence Technical Center*' (DTC) telah ditubuhkan. Tujuan penubuhan DTC ini adalah bertanggungjawab untuk memberi bantuan teknikal dan kepakaran saintifik kepada ATM. Tidak lama selepas penubuhannya pada tahun 1972, DTC telah menjalani proses pengstrukturkan semula dan dikenali dengan nama Pusat Penyelidikan Pertahanan atau '*Defence Research Center*' (DRC). Pada tahun yang sama Makmal utama DRC terletak di Kuala Lumpur dan antara bidang tugas DRC adalah meliputi aktiviti penyelidikan operasi ketenteraan (*Military Operations*), satu bidang yang sangat penting bagi sesebuah institusi penyelidikan ketenteraan. pada 1985 Pusat Sains dan Teknologi Pertahanan (PSTP) yang telah diperkenalkan dan pada tahun 2001 selaras dengan pembangunan ATM, kerajaan telah memperkenalkan Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE)<sup>20</sup>

Menurut Ehsan Iskandar (2008) STRIDE ditubuhkan untuk memenuhi beberapa objektif. Objektif tersebut adalah untuk membekalkan maklumat dan nasihat sintifik dan teknologi dalam perancangan dan pelaksanaan program pertahanan, melaksanakan bantuan sains dan teknologi dalam R&D, penilaian, perolehan dan penggunaan perkakasan serta sistem pertahanan negara, menyediakan sumber-sumber sintifik dan teknologi yang bertepatan dengan kehendak pertahanan negara, membentuk hubungan industri dengan tujuan memberi bantuan saintifik dan teknologi kepada pembangunan industri pertahanan tempatan dan mewujudkan hubungan teknikal bersama organisasi penyelidikan luar untuk tujuan meningkatkan keupayaan saintifik dan teknologi pertahanan.<sup>21</sup>

Menurut Kogila Balakrishnan (2008), Malaysia memulakan pemodenan tentera berskala besar dan peningkatan teknologi sejak dari awal 1990-an. Ekoran perubahan lanskap keselamatan dengan berakhirnya era Perang Dingin, diikuti dengan kemajuan teknologi dalam perlengkapan pertahanan, telah membantu industri pertahanan negara secara dasarnya. Proses semasa pembangunan pemodenan angkatan tentera negara telah memberi beberapa kesan ke atas industri pertahanan (*defense industry*) tempatan. Beberapa syarikat tempatan diambilalih pada beberapa keupayaan rangkaian syarikat luar dan negara telah pun membangunkan kenderaan peninjauan udara tanpa pemandu sendiri (UAV) diatas kerjasama ini. Syarikat-syarikat ini bekerjasama dengan ATM untuk melanjutkan membangunkan keupayaan mereka dalam bidang industri pertahanan untuk memenuhi keperluan ATM di masa depan. Walau bagaimanapun, walaupun usaha-usaha untuk mempromosikan pembangunan industri tempatan dan penyertaan industri, Malaysia masih bergantung kepada import dari segi peralatan pertahanan secara keseluruhannya, manakala Malaysia masih lagi menggunakan cara lama dalam membangunkan pelan pemodenan revolusi dalam hal-ehwal ketenteraan. Namun begitu Malaysia sudah mempunyai tapak yang kukuh dan sekurang-kurangnya telah bergerak ke arah membangunkan industri pertahanannya sendiri.<sup>22</sup>

<sup>19</sup> Mohamad Faisol Keling all (2011). Op.cit. ms 187-188

<sup>20</sup> Ehsan Iskandar. (2008). *STRIDE: 40 Tahun Memacu Penyelidikan Pertahanan Negara*. Perajurit. Mei. Muka 45-49

<sup>21</sup> ibid

<sup>22</sup> Kogila Balakrishnan (2008). *Defence Industrialisation in Malaysia: Development Challenges and the Revolution in Military Affairs*. Security Challenges, vol. 4, no. 4 (Summer 2008), pp. 135-155

## Perkembangan Permodenan Dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Pasca Perang Dingin

Pembangunan ATM pasca Perang Dingin bermula selepas tahun 1990 apabila tamatnya perang dingin dengan dominasi dunia telah bertukar dari 'Balance of Power' kepada dunia yang 'Hegemonic'. Soviet Union telah dibubarkan serta kuasa besar Amerika telah menerajui dunia pada alaf baru. Malaysia telah berjaya menamatkan perjuangan gerila komunis PKM selama hampir 40 tahun. Keputusan telah dicapai apabila PKM telah melaksanakan gencatan senjata pada 1989 selepas Rundingan Damai Hatyai yang telah menamatkan kemelut gerakan komunis di negara ini. Menurut Kogila Balakrishnan (2008), Malaysia memulakan pemodenan tentera berskala besar dan peningkatan teknologi sejak dari awal 1990-an.<sup>23</sup> Menurut S Jayasankaran (2002), Jaswan S. Sidhu (2009) dan Abdul Razak Baginda (2009) merumuskan secara keseluruhan Modenisasi pembangunan dan pertahanan ATM melengkapi pembangunan ATM di ketiga-tiga unit iaitu TUDM, TLDM dan TTDM.

Perkembangan pembelian aset juga telah melalui evolusi yang berbeza aset-aset ketenteraan yang baru diperkenalkan dan perkembangan permodenan ATM berkembang setelah tahun 1990. Antara aset-aset moden dan canggih yang telah dibeli adalah terdiri dari aset-aset ketenteraan yang dihasilkan dari negara Britain, Amerika dan Rusia iaitu seperti jet pejuang dan helikopter seperti F/A-18s, C-130s, F-5s, A-4s dan H-3, 18 unit jet pejuang MIG-29 *Fighter*.<sup>24</sup> jet pejuang HAWK MK108, pesawat sukhoi SU30MKM, Kereta Kebal ADNAN *armoured combat vehicles*, PT-91m, kapal selam *Scorpene*, *Astros II* dan G5 MKIII peluru berpandu jarak dekat, senjata Styer Sniper dan Kapal Perang Tempur.<sup>25</sup>

Perkembangan dalam bidang R&D juga dilihat dengan Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE) diperkenalkan dan dijenamakan semula untuk memenuhi beberapa objektif. Objektif tersebut adalah untuk melaksanakan bantuan sains dan teknologi dalam R&D, penilaian, perolehan dan penggunaan perkakasan serta sistem pertahanan negara, menyediakan sumber-sumber sintifik dan teknologi yang bertepatan dengan kehendak pertahanan negara, membentuk hubungan industri dengan tujuan memberi bantuan saintifik dan teknologi kepada pembangunan industri pertahanan tempatan dan mewujudkan hubungan teknikal bersama organisasi penyelidikan luar untuk tujuan meningkatkan keupayaan saintifik dan teknologi pertahanan.<sup>26</sup>

Pada tahun 2010 negara telah melancarkan hala tuju Dasar Pertahanan Negara (DPN) 2010 yang boleh dikatakan sebagai "Kertas Putih Pertahanan" pada waktu itu. DPN 2010 sebenarnya merupakan dasar yang secara asasnya dapat memberi penjelasan kepada masyarakat berhubung tanggungjawab dan peranan Kementerian Pertahanan untuk membabitkan semua pihak dalam menjaga keamanan dan kedaulatan negara melalui pendekatan Pertahanan Menyeluruh (HANRUH). DPN 2010 ini telah dilancarkan di bawah Kementerian Pertahanan Malaysia telah diangkat oleh Perdana Menteri pada masa itu sebagai asas kepada pembangunan ketenteraan negara pada masa hadapan.

DPN 2010 mengariskan 7 bab utama iaitu merangkumi aspek kepentingan negara, perspektif strategik serantau, prinsip-prinsip asas pertahanan, hubungan luar, membangunkan keupayaan dan strategi pertahanan, sokongan keupayaan industri pertahanan negara dan peruntukan pertahanan. Dalam DPN ini juga telah menekankan bahawa betapa pentingnya untuk melaksanakan program pembangunan serta permodenan Angkatan Tentera Malaysia kerana ianya perlu dalam memainkan peranan yang sangat penting dalam mengubah pendekatan keselamatan negara.<sup>27</sup> Namun begitu dasar ini hanya dilancarkan oleh Kementerian Pertahanan Malaysia dan bukannya mendapat persetujuan dari Kabinet dan Parlimen Malaysia untuk dijadikan satu asas yang kukuh bahawasanya dasar ini merupakan dasar yang sebenar seperti 'Kertas Putih Pertahanan' yang diwujudkan oleh negara sebagai panduan asas untuk menghadapi ancaman-ancaman yang bersifat *hybrid* pada masa akan datang.<sup>28</sup>

<sup>23</sup> ibid

<sup>24</sup> Abdul Razak Baginda (2009). Op.cit m/s 24-27

<sup>25</sup> ibid

<sup>26</sup> Ehsan Iskandar (2008). Op.cit ms. 45-46

<sup>27</sup> Kementerian Pertahanan Malaysia (2010) Dasar Pertahanan Negara

<sup>28</sup> Sesi Temubual bersama Ketua Eksekutif 'Malaysian Institute Of Defence and Security' (MiDAS), Laksamana Madya Dato' Ganesh Navaratnam yang telah dijalankan pada 19 September 2019.

Perkembangan permodenan ATM dilihat lebih bersifat optimum dan tidak terlalu drastik. Kesenambungan kepada Dasar Pertahanan Negara Malaysia yang diterbitkan pada tahun 2010 berfungsi sebagai prinsip panduan ke arah negara yang berdikari dan penting untuk pertahanan negara. Keadaan ini juga memerlukan bukan sahaja komitmen keseluruhan pasukan keselamatan negara tetapi juga penglibatan semua masyarakat. Sejak DPN diperkenalkan, dinamika keselamatan rantau ini telah berubah bahkan melebihi ramalan dan jangkaan dengan ancaman seperti pengganas terorisisme seperti 'Islamic State' (IS), Al-Qaeda serta Abu Sayaf dan ancaman siber telah meningkat. Pada awal tahun 2013, negara berhadapan dengan ancaman keselamatan yang paling hebat sejak konfrontasi dan insurgensi negara yang lalu apabila kumpulan militan bersenjata kepada Kesultanan Sulu dari Filipina mendarat di Lahad Datu, Sabah.<sup>29</sup> Ops Daulat telah dilancarkan oleh ATM dan berjaya mengusir penceroboh tersebut, seramai 71 orang militan Sulu terbunuh dengan mengorbankan 10 anggota keselamatan Malaysia. Pada masa yang sama, Malaysia juga telah menubuhkan Komando Keselamatan Timur Sabah (ESSCOM) sepanjang 1,400 kilometer di kawasan perairan di negeri Sabah untuk memastikan keselamatan negara juga kedaulatan negeri Sabah terpelihara.<sup>30</sup>

Isu-isu penting seperti keganasan global dan militant menjadi agenda utama dalam memacu serta membangunkan ATM. Kerjasama pertahanan dan hubungan bilateral juga perlu sentiasa dilaksanakan bagi memastikan Malaysia kekal relevan dalam menjaga keselamatan negara juga serantau. Penglibatan Malaysia diperingkat antarabangsa juga menjadikan negara ini mesra dengan negara kuasa besar yang lain. Pada tahun 2017 Pusat Pertahanan Siber Angkatan Tentera Malaysia (ATM CDOC) dilancarkan beroperasi sepenuhnya serta menjadi badan yang akan mengawasi ancaman siber ke sistem pertahanan negara. Kerajaan juga telah meningkatkan siber kawalan keselamatan Infrastruktur Maklumat Kritikal Nasional (CNII) untuk 10 sektor utama, termasuk air, tenaga serta perbankan.<sup>31</sup>

Malaysia telah mula melibatkan diri semula dalam misi tentera pengaman d bawah Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) setelah negara sudah lama tidak melibatkan diri dengan misi antarabangsa sejak kali pertama apabila Malaysia menghantar bantuan ketenteraan di Republic of Congo pada 1971. Namun pada 1990 misi pengaman diperluaskan serta diperbesarkan dengan memperkenalkan Unit *Malaysian Battalion* iaitu MALBAT I dan MALBAT II digunakan untuk menjadi tentera pengaman kepada dua buah negara yang bergolak pada masa itu. Pertama ATM telah mendapat mandat dari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menjadi tentera pengaman di Bosnia Herzegovina dan ketika ini beliau turut bersama-sama tentera Malaysia pergi menyertai misi itu.<sup>32</sup> Kedua adalah misi tentera pengaman di Somalia yang telah membuka mata dunia tentang kredibiliti pasukan tentera Malaysia semasa pertempuran di Pasar Bukhara di Mogadishu yang telah memberi pengiktirafan kepada ATM kerana telah berjaya menyelamatkan pasukan tentera pengaman dari Amerika.

Selain itu dapat dilihat bahawa usaha negara dalam tugas misi pengamanan dilihat telah melengkapinya dengan dasar luar negara yang bersifat pro-aktif dalam menangani masalah sejangat. Negara juga dapat pengalaman yang sangat bernilai dan berguna yang diperolehi anggota ATM melalui penglibatan ATM dalam operasi-operasi pengaman PBB. Keuntungan itu dapat dilihat dari segi latihan anggota pasukan kerana berperanan melakukan operasi dalam persekitaran yang pelbagai bersama pasukan dari negara lain. Dalam pada itu juga Malaysia tersenarai di tempat tertinggi dari segi sumbangan anggota ATM dalam operasi pengaman PBB. Walaupun sebagai sebuah negara kecil, penglibatan Malaysia dalam usaha-usaha pengaman PBB ini adalah satu tugas yang besar.<sup>33</sup> Sebagai negara yang sederhana dengan keupayaan ekonomi dan ketenteraan yang terhad, Malaysia tidak dapat mempengaruhi isu-isu serantau dan global tertentu. Walau bagaimanapun, penyertaan negara dalam operasi pengaman, bantuan

<sup>29</sup> ibid

<sup>30</sup> ibid

<sup>31</sup> Dato Seri Hishamuddin. (2017). *Fullerton Forum 2017 Keynote Address*, diekses pada 2018, file:///C:/Users/User/Downloads/Fullerton%20Forum%202017\_%20Keynote%20Address%20\_%20IISS.pdf

<sup>32</sup> Ahmad Farhan bin Abdullah (2008) Malaysia dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), 1957-2003, Persatuan Sejarah Malaysia. <http://myrepositori.pnm.gov.my/handle/123456789/3652>

<sup>33</sup> Kementerian Pertahanan (1997). *Pertahanan Malaysia Kearah Pertahanan Yang Bedikari*. Kementerian Pertahanan, Malaysia.



kemanusiaan dan bencana melalui PBB telah memberi gambaran bahawa komitmen Malaysia terhadap keamanan global.

## Rujukan

- Abdul Razak Baginda (2009). *Malaysia's defence & security since 1957*. Malaysian Strategic Research Centre. Kuala Lumpur: 124-127
- Ahmad Farhan bin Abdullah (2008) Malaysia dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), 1957-2003, Persatuan Sejarah Malaysia. <http://myrepositori.pnm.gov.my/handle/123456789/3652>
- Aishah Ismail. TD menentang irsugensi komunis, BTDM. Nil 144 Jan. hlm 19
- Andrew Tan (2004). *Globalisation and the new terror: the Asia Pacific dimension*. Jones, D. M. (ed.). Cheltenham, UK : [Edward Elgar](#): m/s 8-11
- Chandran Jeshurun. (1980). *Malaysian Defence Policy: A Study in Paliamentary Attitudes*, University of Malaya: 127
- Dato Seri Hishamuddin. (2017). *Fullerton Forum 2017 Keynote Address*, diekses pada 2018, file:///C:/Users/User/Downloads/Fullerton%20Forum%202017\_%20Keynote%20Address%20\_%20IISS.pdf
- Dasar Pertahanan (2010). Utusan Malaysia. Sumber diekses dari [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=1215&sec=Polis %26 Tentera&pg=te\\_02.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=1215&sec=Polis %26 Tentera&pg=te_02.htm)
- Ehsan Iskandar. (2008). *STRIDE: 40 Tahun Memacu Penyelidikan Pertahanan Negara*. Perajurit. Mei. Muka 45-49
- General Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Zulkifli bin Hj Zainal Abidin. [Panglima Angkatan Tentera Malaysia (2015). *Inculcating Professionalism in Defence for National Development: With Special Reference to KESBAN Concept*. National Defence University, Malaysia. hlm. 1-3
- Hamzah H.A. (2006). Pembangunan Pertahanan Malaysia–Satu Pendekatan Menyeluruh. Perajurit. Disember.
- K.S. Nathan. (2008). *Malaysia And International Security: Role, Commitments, Issues And Challenges*. Pembentangan Kertas Kerja. *Engaging Malaysian Modernity 50 Years and Beyond*. The 6<sup>th</sup> International Malaysian Studies Conference. Kuching: Crowne Plaza Riverside Hotel. 5-7 Ogos. hlm 9. Lihat juga Bradley R. Simpson. (2013). *Southeast Asia in the Cold War*. Dalam Robert J. McMahon (Edt). *The Cold War In The Third World*. Oxford: Oxford University Press. hlm 52-58
- Kementerian Pertahanan Malaysia. Dasar Pertahanan Malaysia. Sumber diekses dari [http://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/Dasar\\_Pertahanan\\_Negara.pdf](http://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/Dasar_Pertahanan_Negara.pdf)
- Kementerian Pertahanan (1997). *Pertahanan Malaysia Kearah Pertahanan Yang Bedikari*. Kementerian Pertahanan, Malaysia.
- Kogila Balakrishnan (2008). *Defence Industrialisation in Malaysia: Development Challenges and the Revolution in Military Affairs*. Security Challenges, 4(4), 135-155
- Mohamad Faisol Keling, Ahmad Shah Pakeer Mohamed & Md Shukri Suhib (2016). “Dasar Pertahanan Negara Malaysia: Adakah ianya Kukuh?” in *MIMBAR PENDIDIKAN: Jurnal Indonesia untuk Kajian Pendidikan*, 1(1), 101-122.
- Mohd Zackry Mokhtar (2006). *Total Defence: Usaha kolektif memperkasa pertahanan negara*. Perajurit. Jun. hlm 38-43
- Muslim, N. & Alias, J. (2004). Patriotisme: Konsep dan pelaksanaannya di Malaysia. dalam: Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004), 4-6 September 2004, Hotel City Bayview Langkawi.
- Muthiah Alagapa (1990). Malaysia: From The Commonwealth Umbrella to Self Reliance. Dalam K.W Chin (ed). *Defence Spending in Southeast Asia*. Singapore: ISEAS: 181-193
- Nasibah Harun. (2002). Dasar Pertahanan Menyeluruh, Sempena Hari Angkatan Tentera Malaysia. Perajurit. Julai: hlm 17
- Sesi Temubual bersama Ketua Eksekutif ‘Malaysian Institute Of Defence and Security’ (MiDAS), Laksamana Madya Dato' Ganesh Navaratnam yang telah dijalankan pada 19 September 2019.
- Tentera Darat Diraja Malaysia. (TTDM). Darurat. Sumber diekses dari laman sesawang TDDM di <https://army.mod.gov.my/index.php/ms/104/105/193>

Tentera Laut Diraja Malaysia. (TLDM). Kemerdekaan Dan Pemilikan Tentera Laut Diraja Malaya. Sumber diekses dari laman sesawang TLDM di <http://www.navy.mil.my/index.php/visi-dan-misi/item/3350-kemerdekaan-dan-pemilikan-tentera-laut-diraja-malaya>  
Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Sejarah TUDM. Sumber diekses dari laman sesawang TLDM di <http://www.airforce.mil.my/mengenaikami/sejarah-tudm>